

16/04/1997

Perak berusaha tingkat kadar celik komputer

IPOH, Selasa - Kerajaan Perak menyambut baik usaha Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan dialog Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan semua peringkat rakyat secara sidang video di seluruh negara.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata langkah Perdana Menteri itu dapat meningkatkan lagi kesedaran rakyat mengenai kepentingan multimedia dan teknologi maklumat (IT) dalam kehidupan seharian mereka.

Berikutan itu, katanya kerajaan negeri berusaha meningkatkan penggunaan komputer dan IT ke tahap paling maksimum, terutama di kalangan kakitangan awam sejajar matlamat mewujudkan kerajaan elektronik.

"Kita berharap langkah itu dapat meningkatkan kadar celik komputer di Perak selepas beberapa program latihan dan kursus diberikan kepada pegawai kerajaan dan wakil rakyat.

"Maklumat pengenalan mengenai MSC yang disampaikan melalui sidang video hari ini termasuk kepada lebih 400 pelbagai peringkat masyarakat di Perak berjaya diserapkan dengan berkesan.

"Jawapan Perdana Menteri mengenai MSC dan IT begitu jelas sekali dan difahami semua orang untuk mewujudkan masyarakat yang celik komputer dan memahami perkembangannya pada masa depan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sidang video dialog MSC dengan Perdana Menteri, hari ini.

Dialog hampir dua jam itu menghubungkan Dr Mahathir di bilik gerakan Jabatan Perdana Menteri di Kuala Lumpur dengan 28 lokasi di seluruh negara, termasuk di Perak yang dijalankan di Hotel Casuarina di sini.

Dr Mahathir turut menjawab soalan seorang pensyarah kolej swasta di sini, Dr Ahmad Shabari Ghazali mengenai penggunaan tenaga kerja asing di MSC.

(END)